

156

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING

SOALAN : NO. 369

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan senarai "rankings" SETARA dan MYQUEST penuh untuk tahun 2017 dan menjelaskan metodologi terperinci untuk "rankings" ini. Kenapa "rankings" ini tidak disenaraikan secara terbuka di laman web MOHE / MQA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua keputusan penuh penarafan SETARA dan MyQUEST boleh disemak di portal rasmi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sejak 9 Januari 2018.

Pelaksanaan SETARA-2017 adalah bertujuan mengaudit, menilai dan memberi *rating* kepada institusi pendidikan tinggi (IPT). Sebanyak 71 (IPT) terlibat dalam penilaian SETARA 2017 dengan pemberat penilaian berbeza berdasarkan kategori IPT. Terdapat 3 kategori IPT, iaitu *Mature University* (Universiti ditubuhkan lebih daripada 15 tahun), *Emerging University* (Universiti ditubuhkan kurang daripada 15 tahun) dan *University College* (Kolej Universiti ditubuhkan lebih daripada 5 tahun dengan satu kohot graduat).

SETARA membantu IPT membina asas yang kukuh dalam penyampaian 3 teras utama iaitu Pengajaran, Penyelidikan dan

Perkhidmatan, mempromosi kecemerlangan IPT secara keseluruhan serta mengiktiraf kepelbagaian antara IPT. Antara kriteria yang diambil kira dalam penilaian adalah profil umum IPT seperti keupayaan tenaga pengajar dan kewangan, prestasi pengajaran dan pembelajaran, kapasiti penyelidikan dan perkhidmatan dan penjana pendapatan.

Penilaian SETARA 2017 menganugerahkan 6 bintang kepada 8 *Mature University*; 5 bintang kepada 9 *Mature University*, 10 *Emerging University* dan 2 *University College*; 4 bintang kepada 7 *Mature University*, 16 *Emerging University* dan 6 *University College*; 3 bintang kepada 2 *Mature University*, 6 *Emerging University* dan 4 *University College*; serta 1 bintang kepada sebuah *Emerging University*.

Merujuk kepada penilaian dan penarafan MyQUEST, ia melibatkan kutipan data kolej swasta yang menerangkan status input, proses, output serta penilaian persepsi pelajar melalui sub modul *Student Satisfaction Index (SSI)*. Data yang diperoleh secara atas talian akan dianalisis bagi membantu proses penarafan yang terbahagi kepada dua (2) fasa iaitu Fasa Penilaian Kendiri melibatkan aktiviti kemasukan data terkini ke dalam sistem. Fasa Kedua iaitu Fasa Audit pula melibatkan sesi lawatan serta verifikasi data yang telah dimasukkan oleh kolej swasta semasa fasa penilaian sendiri sebelum dianalisis dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Kajian Penarafan MyQUEST.

Prestasi serta kualiti perkhidmatan kolej swasta akan diukur dan dinilai melalui MyQUEST berasaskan kolej, kualiti program yang ditawarkan dan perkhidmatan yang disediakan oleh kolej bagi pengambilan pelajar antarabangsa. Pada penarafan MyQUEST sesi 2016/2017, daripada

206 buah kolej swasta yang layak diaudit, 15 buah kolej mencapai penarafan 6 Bintang (Terbilang), 63 buah kolej mencapai 5 Bintang (Cemerlang), 61 buah kolej mencapai 4 Bintang (Sangat Baik) dan 67 buah kolej mencapai penarafan 3 Bintang dan ke bawah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

SOALAN : 370

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan senarai jadual harga yang dijangka untuk perkhidmatan ekspres dan transit Express Rail (ERL) dari 2018 hingga 2029 dan dari 2029 hingga 2059 di bawah perjanjian konsesi baru. Nyatakan juga pampasan yang dibayar kepada ERL oleh Kerajaan Malaysia dari 2009 hingga 2018.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada Januari 2015 telah bersetuju supaya tambang perkhidmatan ekspres dan transit ERL ditetapkan berdasarkan kuasa pasaran (*market driven*). Dalam masa yang sama, bagi memastikan rakyat tidak terbeban, Kerajaan telah menetapkan kadar maksima tambang yang boleh dikenakan seperti berikut:

a) Perkhidmatan Ekspres ERL

Stesen Permulaan	Stesen Ketibaan		
	KLS	KLIA	Klia2
KL Sentral (KLS)	-	64.00	64.00
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)	64.00	-	2.00
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (Klia2)	64.00	2.00	

b) Perkhidmatan Transit ERL

Stesen Pemula	Stesen Ketibaan					
	KLS	BTS	PJ	ST	KLIA	Klia2
KLS	-	7.50	16.00	20.90	64.00	64.00
Bandar Tasik Selatan (BTS)	7.50	-	9.20	14.20	43.70	43.70
Putrajaya (PJ)	16.00	9.20	-	5.40	10.80	10.80
Salak Tinggi (ST)	20.90	14.20	5.40	-	5.70	5.70
KLIA	64.00	43.70	10.80	5.70	-	2.00
Klia2	64.00	43.70	10.80	5.70	2.00	-

Sebarang cadangan penetapan kadar tambang yang lebih tinggi dari siling yang ditetapkan perlulah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Sehingga kini, tiada sebarang pampasan yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada ERLSB.